



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

29 Jun 2009

Sehingga 29 Jun 2009 jam 8.00 pagi terdapat 20 kes baru Influenza A (H1N1) telah dilaporkan di Malaysia yang terdiri daripada 16 kes import dan 4 kes jangkitan tempatan. Ini menjadikan jumlah terkumpul kes Influenza A(H1N1) di Malaysia sehingga 29 Jun 2009 adalah berjumlah 144 kes yang terdiri daripada 122 kes import dan 22 kes jangkitan tempatan. Tiada kematian dilaporkan.

Maklumat berkaitan 20 kes baru yang dilaporkan adalah melibatkan 13 warganegara Malaysia dan 7 warga asing (1 Vietnam, 1 German, 1 Australia, 1 Jepun, 1 Amerika dan 2 Indonesia). Daripada 16 kes import, mereka telah memberikan sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1), iaitu Australia (6), Indonesia (5), United Kingdom (2), Jepun (1), Singapura (1) dan Thailand (1). Empat (4) kes jangkitan tempatan melibatkan kes warga tempatan.

Berikutan peningkatan kes import daripada negara Indonesia dan Thailand ke Malaysia, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan bermula dari sekarang, semua pelawat yang datang daripada negara-negara ini akan dibuat pemeriksaan kesihatan sebaik sampai di Malaysia. Ini adalah sepertimana yang telah dilaksanakan kepada pelawat yang datang daripada Filipina, Australia, United Kingdom dan Amerika.

Seterusnya, berikut adalah maklumat utama kepada 20 kes yang dilaporkan pada hari ini.

1. Kes 125, seorang lelaki warga Malaysia berusia 39 tahun. Beliau adalah kontak kepada kes 79 (isteri), 101 (anak) dan 111 (anak). Tiada sejarah perjalanan. Beliau mula menunjukkan gejala sakit tekak pada 25 Jun 2009 semasa menjalani *home quarantine*, swab tekak diambil pada 26 Jun 2009. Telah dimasukkan ke wad di Hospital Pulau Pinang pada 27 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral serta berada dalam keadaan stabil. Beliau telah disahkan sebagai **kes tempatan ke 19**. Satu keluarga telah disahkan dijangkiti Influenza A(H1N1), yang berpunca daripada kes ke 79.
2. Kes 126, seorang lelaki berumur 20 tahun, warga Jepun. Beliau tiba daripada Jepun melalui Singapura (SQ671) dan terus ke Pulau Pinang (SQ5360) pada 22 Jun 2009. Beliau mengalami gejala demam dan sakit tekak pada 25 Jun 2009 dan swab tekak diambil pada 26 Jun 2009 di Hospital Pulau Pinang. Beliau telah disahkan dijangkiti Influenza A(H1N1) pada 27 Jun 2009 jam 10 malam. Pada masa ini beliau sedang dirawat di Hospital Pulau Pinang dan dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan

antiviral. Penumpang pesawat SQ671 dan SQ5360 sedang dalam proses pengesanan.

3. Kes 127, ialah seorang pelajar lelaki warga Malaysia berusia 16 tahun yang bersekolah di sebuah sekolah di Australia. Beliau tiba dari Melbourne, Australia dengan menggunakan penerbangan Air Asia D72723 (tempat duduk 31K) dan tiba di LCCT, KLIA pada 26 Jun 2009 jam 7.00 pagi. Kes mula mengalami demam dan batuk pada 26 Jun 2009. Keesokan harinya beliau telah mendapatkan rawatan di PPUKM, dinasihatkan *home quarantine*, kemudian dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh setelah kes disahkan positif Influenza A(H1N1) pada 28 Jun 2009. Pesakit telah dimulakan rawatan antiviral dan dalam keadaan stabil. Seramai 6 orang ahli keluarganya telah diletakkan di bawah kuarantin dan sihat. Penumpang yang menaiki pesawat yang sama sedang disiasat.
4. Kes 128, seorang lelaki warga Malaysia berusia 28 tahun. Beliau telah tiba di LCCT, KLIA dari Phuket, Thailand pada 21 Jun 2009, menaiki penerbangan Air Asia AK823 dan KLIA ke Pulau Pinang menaiki penerbangan Air Asia AK368 dan terus balik ke rumah. Beliau mula menunjukkan gejala demam dan batuk pada 26 Jun 2009 dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang pada 27 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral. Kontak di kalangan ahli keluarga dan pembantu rumah telah dikenalpasti, sedang dikuarantin, diberikan profilaksis antiviral dan dalam keadaan sihat.
5. Kes 129, seorang pelajar perempuan warga Malaysia berusia 20 tahun. Beliau telah tiba di KLIA dari Manchester, United Kingdom pada 21 Jun 2009, menaiki penerbangan MH01 (tempat duduk

43D), kemudian dari KLIA ke Pulau Pinang menaiki MH1162 pada 22 Jun 2009. Beliau mula menunjukkan gejala demam, batuk, sakit kepala dan muntah pada 25 Jun 2009, mengunjungi doktor swasta pada 25 Jun 2009 dan telah dimasukkan ke wad Hospital Pulau Pinang pada 26 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral. 2 kontak di kalangan ahli keluarga telah dikenalpasti, sedang dikuarantin, diberikan profilaksis antivirus dan dalam keadaan sihat.

6. Kes 130, seorang pelajar lelaki warga Malaysia berusia 15 tahun dari Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban. Beliau adalah saudara kepada kes 116 (abang kes adalah pelajar Malaysia yang baru pulang dari Melbourne). Tiada sejarah perjalanan. Beliau mula menunjukkan gejala demam, batuk, sakit tekak pada 26 Jun 2009 dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban pada 27 Jun 2009, dimasukkan ke wad pada hari yang sama. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral. Beliau telah disahkan sebagai **kes tempatan ke 20**. Sejumlah 46 rakan sekelas dan 12 guru telah dikenakan tindakan kuarantin di rumah sehingga 3 Julai 2009.
7. Kes 131, seorang lelaki warga German berusia 28 tahun. Beliau tiba dari Singapura ke Melaka menaiki bas pada 20 Jun 2009, dan dari Melaka ke Kuala Lumpur pada 24 Jun 2009, juga menaiki bas. Beliau mula menunjukkan gejala demam dan batuk pada 27 Jun 2009. Beliau telah mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur dan dimasukkan ke wad pada 28 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral. 1 kontak iaitu teman wanita telah dikenalpasti, sedang dikuarantin, diberikan profilaksis antivirus dan dalam

keadaan sihat. Pengesanan kontak dan maklumat lanjut berhubung bas yang dinaiki sedang dalam siasatan.

8. Kes 132, seorang kanak-kanak lelaki warga Vietnam berusia 13 tahun. Beliau tiba dari bercuti di Melbourne di KLIA menaiki penerbangan MH148 (tempat duduk 23H) pada 25 Jun 2009, tidak mempunyai gejala semasa disaring di KLIA. Beliau mula menunjukkan gejala pada 27 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral. Dua kontak di kalangan ahli keluarga telah dikenalpasti, sedang dikuarantin, diberikan profilaksis antiviral dan dalam keadaan sihat.
9. Kes 133, seorang kanak-kanak perempuan warga Indonesia berusia 1 tahun 9 bulan. Beliau tiba di Malaysia dari Singapura menaiki bas pada 22 Jun 2009 (Syarikat Bas Five Star), sebelum itu menaiki penerbangan Air Asia QZ7782 (tempat duduk 16D) dari Jakarta ke Singapura pada 21 Jun 2009. Mempunyai gejala demam, batuk pada 24 Jun 2009, mendapatkan rawatan di klinik swasta pada 24 Jun 2009. Dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh pada 27 Jun 2009, disahkan positif pada 27 Jun 2009. 4 kontak sedang dikuarantin di wad isolasi Hospital Sungai Buloh.
10. Kes 134, seorang pelajar perempuan warga Malaysia berusia 20 tahun yang menuntut di Melbourne. Beliau tiba di LCCT, KLIA dari Melbourne menaiki penerbangan Air Asia D2723 (tempat duduk 51K) pada 23 Jun 2009. Menaiki bas dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru pada 26 Jun 2009 dan mempunyai gejala demam, batuk pada 27 Jun 2009, terus dimasukkan ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada hari yang sama untuk rawatan. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009. 4 kontak sedang dikuarantin

di rumah, dan penumpang pesawat Air Asia D2723 sedang dikesan.

11. Kes 135, seorang lelaki warga Australia berusia 25 tahun. Beliau tiba di Sandakan dari Australia melalui Singapura (JQ61, tempat duduk 20C), diikuti Singapura ke Kota Kinabalu (TR482, tempat duduk 24D), seterusnya penerbangan Air Asia AK6092 daripada Kota Kinabalu ke Sandakan pada 24 Jun 2009. Mula mempunyai gejala demam, batuk, sakit tekak pada 24 Jun 2009. Kes mendapatkan rawatan di klinik swasta pada 26 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital *Duchess of Kent*, Sandakan pada hari yang sama. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009. Pengesanan kontak sedang dijalankan.
12. Kes 136, seorang pelajar lelaki warga Malaysia berusia 17 tahun yang belajar di Melbourne. Beliau tiba di KLIA dari Melbourne, Australia pada 26 Jun 2009, menaiki penerbangan Malaysia Airlines MH128 (tempat duduk 33E) Melbourne ke KLIA, dan Kuala Lumpur ke Bintulu MH2742 (tempat duduk 12D). Mula mempunyai gejala demam dan batuk pada 26 Jun 2009, dibawa ke klinik swasta dan terus dimasukkan ke wad Hospital Bintulu pada 26 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009. Pengesanan kontak sedang dibuat oleh JKN Sarawak.
13. Kes 137, seorang pelajar perempuan warga Malaysia berusia 19 tahun yang belajar di Melbourne. Beliau tiba di KLIA dari Melbourne, Australia pada 24 Jun 2009. menaiki penerbangan Air Asia D72723 (tempat duduk 312D), kemudian KLIA ke Pulau Pinang menaiki penerbangan Air Asia AK5362 (tempat duduk 25C), menaiki teksi ke rumah. Mempunyai gejala demam dan selesema pada 27 Jun 2009 dan dimasukkan ke wad Hospital

Pulau Pinang pada 27 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009. Pengesanan kontak sedang dijalankan.

14. Kes 138, seorang guru wanita warga Malaysia berusia 36 tahun, yang mengajar di SMK Abdul Rahim 2, Kudat. Tiada riwayat perjalanan. Kontak kepada kes ke 97, mula mengalami gejala demam, batuk, sakit tekak pada 23 Jun 2009. Dimasukkan ke wad Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu pada 26 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009. Pengesanan kontak sedang dijalankan. Beliau telah disahkan sebagai **kes tempatan ke 21**.
15. Kes 139, seorang kanak-kanak lelaki warga Indonesia berusia 9 tahun. Beliau tiba di LCCT, KLIA dari Bangkok pada 27 Jun 2009. menaiki penerbangan Air Asia AK3573. Mulai mempunyai gejala demam, batuk pada 26 Jun 2009, diambil swab tekak di LCCT, dimasukkan ke wad Hospital Bintulu pada 26 Jun 2009 . Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009. Pengesanan kontak sedang dijalankan.
16. Kes 140 seorang pelajar lelaki warga Malaysia berusia 16 tahun yang belajar di Sekolah Tsun Jin Height, Jalan Loke Yew, Cheras, Kuala Lumpur dan tiada sejarah perjalanan ke luar negara. Mempunyai gejala demam pada 27 Jun 2009, kontak kepada seorang rakan satu sekolah daripada kelas yang berlainan yang mengalami gejala batuk selama seminggu yang lepas, dan rakannya mempunyai dua orang ibu saudara yang masing-masing baru pulang dari Amerika Syarikat dan Australia. Dimasukkan ke wad Hospital Sg Buloh pada 27 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009. Pengesanan kontak sedang dijalankan.

Pelajar daripada kelas yang terlibat akan diminta untuk kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan sebagai **kes tempatan ke 22**.

17. Kes 141 seorang lelaki warga Malaysia berusia 34 tahun. Beliau tiba di KLIA dari Manila pada 27 Jun 2009 menaiki penerbangan Sibu Pacific Airline SJ 500 dan mempunyai gejala demam pada 27 Jun 2009 dan dimasukkan ke wad Hospital Sg Buloh pada 28 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009.
18. Kes 142 seorang kanak-kanak lelaki warga Malaysia berusia 5 tahun. Beliau tiba di Pulau Pinang melalui KLIA dari Jakarta pada 26 Jun 2009 menaiki penerbangan Malaysia Airlines MH 116 (tempat duduk 27F) dan mempunyai gejala demam dan sakit tekak pada 26 Jun 2009, swab tekak diambil di KLIA, dinasihatkan home quarantin. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009 dan dimasukkan ke wad Hospital Pulau Pinang pada 28 Jun 2009.
19. Kes 143 seorang wanita warga Malaysia berusia 18 tahun. Beliau tiba di KLIA dari United Kingdom. Onset pada 26 Jun 2009 dan pada 27 Jun 2009, telah pergi ke Jabatan Kecemasan, PPUM untuk mendapatkan rawatan bagi gejala yang dialaminya, dimana swab tekak telah diambil dan arahan 24 jam home quarantine telah diberikan kepadanya. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009 @ 8:30 malam dan maklumat ini telah disampaikan kepada pihak JKN Selangor bagi tindakan lanjut. Pesakit telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

20. Kes 144 seorang kanak-kanak lelaki warga Amerika berusia 1 tahun 9 bulan. Beliau tiba di LCCT, KLIA dari Bali pada 28 Jun 2009 menaiki penerbangan Air Asia QZ 8394 (tempat duduk 7E) pada pukul 3:30 petang. Mulai mempunyai gejala demam 28 Jun 2009 dan dimasukkan ke wad Hospital Sungai Buloh pada hari yang sama. Pesakit disahkan positif pada 28 Jun 2009. Pengesanan penumpang QZ8394 sedang dijalankan.

Jumlah pesakit Influenza A(H1N1) yang masih dirawat di hospital adalah berjumlah 42 orang dan kesemua mereka telah menunjukkan respons yang baik kepada rawatan tanpa komplikasi. Jumlah pesakit mengikut hospital adalah Hospital Sungai Buloh (10 pesakit), Hospital Kuala Lumpur (7 pesakit), Hospital Pulau Pinang (6 pesakit), Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar (5 pesakit), Hospital Kulim (1 pesakit), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (4 pesakit), Hospital Umum Sarawak (1 pesakit), Hospital Queen Elizabeth, KK (3 pesakit), Hospital Sandakan (2 pesakit) dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu (2 pesakit) dan Hospital Bintulu, Sarawak (1 pesakit).

Jumlah pesakit Influenza A(H1N1) yang telah sembuh rawatan setakat ini adalah berjumlah 102 orang dan mereka telah sembuh sepenuhnya dan telah didiscaj daripada hospital.

Jumlah kontak yang sedang menjalani kuarantin di rumah adalah berjumlah 618 orang dan semuanya sihat. Jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana disyaki jangkitan Influenza A(H1N1) adalah sebanyak 2,343 kes di mana, 144 kes telah disahkan positif Influenza A(H1N1) manakala 28 kes masih menunggu keputusan.

Sehubungan itu, semua ibubapa kepada pelajar-pelajar sekolah di atas diminta untuk terus memastikan anak-anak mereka berada di rumah dan tidak pergi ke tempat-tempat awam atau menghadiri kelas tuisyen atau kelas agama. Semasa *home quarantine* 7 hari, mereka ini adalah diminta untuk mengamalkan 10 langkah bijak semasa dalam kuarantin dan sekiranya mengalami gejala demam dan tanda-tanda seperti batuk, sakit tekak dan selesema hendak segera mendapatkan rawatan di hospital.

Kementerian Kesihatan Malaysia meminta kerjasama daripada kesemua kontak terdiri dari penumpang termasuk krew penerbangan dari penerbangan yang terlibat dengan pengesanan kes positif Influenza A(H1N1), terutama di 3 tempat duduk hadapan dan belakang kes-kes serta kiri dan kanan, supaya segera memaklumkan lokasi mereka untuk memudahkan pihak Kementerian Kesihatan membuat pemantauan. Sila maklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat, atau KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Pihak Kementerian Kesihatan meminta mereka ini untuk mengamalkan *self quarantine* di rumah atau tempat kediaman masing-masing serta mengamalkan 10 langkah bijak dalam masa kuarantin seperti yang telah dipromosikan oleh Kementerian.

Merujuk kepada situasi global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 29 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes Influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 61,688 kes dengan 265 kematian daripada 112 negara, iaitu pertambahan 497 kes. Tiada pertambahan kematian dan negara baru.

Negara yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah Australia (180), Singapura (145), China (51), Hong Kong (66), Korea (21), New Zealand(16), Malaysia (12) dan Brunei (4).

Kepada pelajar Malaysia dan mereka yang baru kembali bercuti di luar negara yang terjejas dengan wabak Influenza A(H1N1) adalah diminta untuk sentiasa mematuhi dan mengamalkan 10 langkah bijak dalam masa kuarantin. Mereka yang mula merasa kurang sihat atau ada tanda awal jangkitan seperti batuk dan demam hendaklah segera mendapatkan rawatan daripada doktor yang berdekatan dan mengurangkan pergaulan dengan rakan lain termasuk mengelakkan diri dari menghadiri kelas dan bekerja di pejabat. Langkah ini untuk mengelakkan penularan penyakit di sekolah dan di tempat kerja yang boleh melibatkan penularan jangkitan.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan Influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak Influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan.

Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat

yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa. Untuk memudahkan orang awam mendapatkan maklumat berkaitan influenza A(H1N1), Kementerian Kesihatan telah menambah kemudahan yang berikut:

- a) Laman web khas influenza A(H1N1) Kementerian Kesihatan disediakan melalui alamat <http://h1n1.moh.gov.my> yang akan mula beroperasi 30 Jun 2009.
- b) Talian Hotline Influenza A(H1N1) yang beroperasi antara 8.00pagi hingga 9.00 malam disediakan melalui 4 talian, iaitu:
 - i. 03-88810200
 - ii. 03-88810300
 - iii. 03-88834414
 - iv. 03-88834415

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 29 Jun 2009